***SOALAN NO : 33***

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG** |
| **KAWASAN** | : | **HULU RAJANG** |
| **TARIKH** | : | **26 NOVEMBER 2019 (SELASA)** |

**SOALAN :**

**YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf Jalan Simpang Bakun ke Empangan Bakun.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Simpang Bakun ke Empangan Bakun yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FR803. Berdasarkan semakan stesen bancian yang terhampir dan isipadu trafik lalulintas yang terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service, LOS) berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada.

Sekian, terima kasih.